

NO.SOALAN : 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]
TARIKH : 27.7.2017 (KHAMIS)

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan statistik terkini jumlah pendaftaran perniagaan oleh pelajar institut pengajian tinggi (IPT) secara percuma melalui skim 1 Pelajar 1 Perniagaan sejak dilancarkan awal tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Statistik pendaftaran perniagaan oleh pelajar institut pengajian tinggi (IPT) sehingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak 10,447 perniagaan. Pakej pemberian insentif yang dikenali sebagai Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (1P1P) merupakan inisiatif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terkini melibatkan golongan belia, khususnya pelajar telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak di dalam Program ONE pada 4 Disember tahun lalu.